

Malaysia perlu masa iktiraf

Israel

JM 14 SEP 1993

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Malaysia memerlukan lebih masa sebelum mengiktiraf Israel yang akan menandatangani perjanjian autonomi dan pengiktirafan hak dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, Malaysia tidak boleh membuat keputusan dengan tergesa-gesa kerana rundingan masih berjalan secara berperingkat-peringkat dan beberapa isu seperti hak ke atas Baitulmuqaddis masih belum selesai sepenuhnya.

Katanya, pengiktirafan Genting Gaza dan Jericho sekarang hanyalah permulaan kepada rundingan damai di kawasan itu dan lebih banyak lagi rundingan akan diadakan bagi mencari satu penyelesaian mutlak.

"Kita akan mengkaji terlebih dahulu isi perjanjian dan membuat pertimbangan sewajarnya terhadap hubungan kita dengan Israel," kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Perhutan Negara-Negara Komanwel di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia mengambil langkah berhati-hati sebelum mengiktiraf Israel memandangkan sikap Israel terhadap negara-negara Arab dan orang Islam di Timur Tengah termasuk Palestin.